

Tekun, gigih capai

wawasan 2020: PM

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu pekerja berusaha lebih tekun dan gigih serta berdisiplin bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Dalam perutusannya sempena Hari Pekerja esok, Perdana Menteri berkata, mereka akan mendapat faedah serta nikmat yang setimpal dengan usaha demikian dan sebarang tindakan merugikan pekerja haruslah dielakkan.

Menurutnya, di negara ini, pekerja bebas menubuhkan kesatuan sekerja untuk melindungi dan memperjuangkan kepentingan mereka.

"Tiada siapa dapat menafikan bahawa layanan terhadap pekerja menjadi baik kerana kesatuan pekerja mempunyai cara tertentu untuk menuntut majikan lebih bertimbang rasa," katanya.

Bagaimanapun, katanya, yang tidak kurang pentingnya ialah sikap masyarakat dan kerajaan pilihan rakyat, yang tidak rela membenarkan majikan menindas pekerja seperti zaman dahulu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kesatuan dan undang-undang dengan sendirinya tidak boleh memperbaiki taraf hidup pekerja jika ekonomi negara tidak berkembang dengan baik.

Katanya, ekonomi negara tidak akan berkembang jika keamanan industri tidak wujud, yang boleh mengakibatkan daya pengeluaran rendah, pelabur enggan melabur, bilangan penganggur bertambah serta kadar upah tidak meningkat.

Perdana Menteri berkata, di negara yang penduduknya terlalu ramai, biasanya kadar upah amat rendah dan akan menurun lebih rendah jika keamanan industri terjejas serta daya pengeluaran rendah.

Tetapi, katanya, kadar upah meningkat berpuluh kali ganda di negara yang ramai penduduknya kerana ia aman daripada segala aspek dan mempunyai daya pengeluaran tinggi.